

# SHAISHIN MARAI-GO YOU TEI MEKAR DI BUMI SAKURA



**Norliza Jamaluddin PhD**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## Abstrak

Bahasa Melayu/Indonesia bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat Jepun. Penghasilan daftar kata, buku tatabahasa dan kamus sejak sebelum pendudukan Jepun di Nusantara dapat menggambarkan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja disedari kewujudannya, malahan bahasa ini turut dipelajari dan diajarkan kepada warga Jepun. Penguasaan yang mendalam terhadap bahasa Melayu dalam kalangan warganya telah membolehkan mereka menghasilkan buku tatabahasa untuk kegunaan warga mereka sendiri. Salah satu buku yang dijadikan rujukan ialah *Shaishin Marai-go You Tei* atau dalam bahasa Melayu *Ringkasan Bahasa Melayu/Indonesia Terbaharu*. Buku yang diterbitkan pada tahun 1941 ini terdiri daripada lima bahagian yang meliputi aspek sebutan, perkataan, tatabahasa, perbualan dan kosa kata (kamus). Oleh itu, kertas kajian ini menghuraikan kelima-lima aspek bahasa yang terkandung dalam buku *Shaishin Marai-go You Tei* bagi mengungkapkan aspek-aspek bahasa yang dipelajari oleh masyarakat Jepun pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua.

---

*Kata kunci: bahasa Melayu, Jepun, daftar kata, kamus, nusantara*

## PENGENALAN

Bahasa Melayu/Indonesia bukan merupakan sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat Jepun. Penghasilan daftar kata, buku tatabahasa dan kamus sejak sebelum pendudukan Jepun di Nusantara dapat menggambarkan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja disedari kewujudannya, malahan bahasa ini turut dipelajari oleh warga Jepun. Dicatatkan bahawa masyarakat Jepun telah mula mempelajari bahasa Melayu sejak 100 tahun yang lalu dengan penerbitan buku pertama pada awal tahun 1900-an dan buku yang pertama berjudul *Marai-go Dokusyu* dengan menggunakan tulisan Jawi telah diterbitkan pada tahun 1912 (Moriyama, 2009). Jumlah penerbitan buku ini terus meningkat dan bertambah selaras dengan dasar peluasan kuasa Jepun ke negeri-negeri di sebelah timur yang melibatkan kawasan tanah jajahan Inggeris dan Belanda, iaitu Tanah Melayu dan Indonesia. Selain daripada penerbitan buku, bahasa Melayu/Indonesia turut diajarkan secara formal di beberapa buah institusi di Jepun pada ketika itu.

## PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI JEPUN

Bahasa Melayu/Indonesia menjadi bahasa terpenting kerana digunakan secara meluas di negara-negara yang dijajah oleh Inggeris dan Belanda. Pada peringkat awal dalam memahami bahasa Melayu, kamus dwibahasa Melayu/Indonesia dan Jepun telah disusun. Menurut Yamaguchi Masao, iaitu seorang sarjana di Universiti Setsunan, Kamus Melayu-Jepun dan buku dialog bahasa Melayu dengan terjemahan bahasa Jepun telah diterbitkan dalam tahun 1908 dan 1910. Pada masa yang sama bahasa Melayu mula diajarkan secara formal di sekolah. Bahasa Melayu/Indonesia untuk kali pertama diajarkan pada peringkat persekolahan di dua buah sekolah di Tokyo pada tahun 1908. Pada tahun yang sama juga *Tokyo Gaikokugo Daigaku* atau Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) turut memulakan pengajaran bahasa Melayu/Indonesia kepada warga Jepun. Bagi membolehkan bahasa Melayu/Indonesia diajarkan di Jepun, maka guru-guru Melayu telah dibawa ke Jepun untuk mengajar di sana. Dicatatkan sekurang-kurangnya seramai lima orang guru Melayu dari Tanah Melayu telah didatangkan ke Tokyo untuk tujuan ini, bermula pada tahun 1911 sehingga tahun 1937. Antaranya ialah Ibrahim bin Ahmad (mulai 1911 hingga 1913), Ahmad bin Ambacc (1913), Bachee bin Wan Chik (1914 hingga 1937), Ibrahim bin Pachee (1921 hingga 1924) dan Abdul Rani bin Haji Abdullah (1925 hingga 1937).

Salah seorang daripada pengajar, iaitu Bachee bin Wan Chik telah mengajar selama 19 tahun di Jepun, iaitu di Universiti Takushoku, Tokyo dan Osaka Language University, Osaka. Dalam tempoh itu beliau bersama dengan Hiraoka Junzo turut menyusun kamus dwibahasa Melayu/Indonesia-Jepun pada tahun 1927. Dalam tempoh itu juga beliau bersama-sama dengan Marquis Yoshichika dan Sumitake Asakuri, seorang profesor bahasa Melayu/Indonesia di Universiti Tokyo telah menghasilkan buku pelajaran bahasa Melayu/Indonesia berjudul *Marai-go yon shu-kan* bermaksud Belajar Bahasa Melayu dalam Empat Minggu pada tahun 1937. Atas keperluan dalam mempelajari bahasa Melayu/Indonesia, buku ini telah diulang cetak sebanyak 30 kali.

Selepas tahun-tahun 1930-an, penghasilan kamus Melayu/Indonesia-Jepun dan penulisan buku yang lain terus berkembang pesat. Perkembangan ini adalah sejajar dengan perancangan dan operasi penguasaan Jepun ke Tanah Melayu dan Indonesia yang semakin agresif. Pada tahun 1941 telah diterbitkan di Singapura sebuah Kamus Standard Bahasa Melayu/Indonesia-Jepun hasil susunan Fujino Kamori setebal 702 halaman. Pada tahun 1942 pula, Taketomi Masakazu telah menghasilkan Kamus Besar Bahasa Melayu/Indonesia-Jepun setebal 1,074 halaman dan pada tahun 1944 Kamus Baru Bahasa Jepun-Melayu/Indonesia telah disusun oleh Uehara Kunzo. Uehara merupakan sarjana Jepun yang berperanan besar dalam menghasilkan sebuah buku yang begitu bermakna kepada pemerintah Jepun dalam hubungannya dengan operasi pentadbiran dan ketenteraan di Tanah Melayu. Pada tahun 1941, beliau telah berjaya menghasilkan sebuah buku berjudul *Shaishin Marai-Go You Tei* atau Ringkasan Bahasa Melayu/Indonesia Terbaharu yang diterbitkan oleh Seibishokaku di Tokyo.

## **BUKU SAISHIN MARAI-GO YOUTEI**

Buku *Saishin Marai-go Youtei* atau dalam bahasa Melayunya *Ringkasan Bahasa Melayu Terbaharu* diterbitkan pada 1941 oleh penerbit Sibishokaku. Buku ini diterbitkan di Tokyo, Jepun. Buku setebal 416 halaman ini mengandungi lima bab yang terdiri daripada bab Sebutan, Perkataan, Tatabahasa, Perbualan dan Kosa Kata (Kamus). Buku ini ditulis oleh Uehara Kunzo, iaitu salah seorang pengajar bahasa Melayu/Indonesia di Jepun. Penglibatan selama hampir 30 tahun dalam bahasa Melayu/Indonesia membolehkan Uehara Kunzo menghasilkan buku ini yang melibatkan perbincangan terhadap aspek

bahasa dari pelbagai sudut. Beliau yang telah mempelajari bahasa Melayu/Indonesia di Sekolah Bahasa-bahasa Asing sejak tahun 1912 lagi dan ditambah pula dengan pengalaman beliau selama 12 tahun dalam bidang pelancongan, perdagangan serta diplomatik telah banyak membantu beliau dari segi penghasilan buku ini. Di samping itu, buku ini mampu membincangkan aspek-aspek tatabahasa bahasa Melayu/Indonesia dengan baik dan perbincangannya juga agak lengkap kerana Uehara Kunzo merupakan pengajar dan peneliti bahasa Melayu/Indonesia di Sekolah Bahasa-bahasa Asing untuk mubaligh Kristian di Kyoto dan Kobe serta sebagai pengajar bahasa Melayu/Indonesia di syarikat Naiyo Kyogai dan di Universiti Takusyoku (Uehara Kunzo, 1941).

Buku ini sama seperti buku-buku lain turut dimulai dengan prakata. Satu perkara yang menarik ialah buku ini mempunyai dua buah prakata dan salah satu daripada prakata tersebut, iaitu prakata yang pertama ditulis oleh Ketua Angkatan Tentera Darat Jepun pada ketika itu, iaitu Hideki Tojo, manakala prakata kedua ditulis oleh penulis buku ini sendiri, iaitu Uehara Kunzo. Dalam prakata pertama, Hideki Tojo berpendapat bahawa kemahiran berbahasa Melayu/Indonesia merupakan cara dan alat yang paling baik bagi mendapat penghormatan dan kepercayaan daripada orang-orang Melayu. Orang Jepun dikatakan tidak boleh bertindak kasar kepada masyarakat Melayu. Menurut Hideki Tojo "*Orang Jepun ...harus memahami masyarakat Melayu. ...orang Jepun yang mempunyai keinginan untuk menakluki negara ini perlu melihat dengan lebih luas. Untuk itu, kemahiran berbahasa Melayu/Indonesia merupakan cara dan alat yang paling baik untuk mencapai tujuan besar itu*". Dalam hal ini, iaitu dalam dasar peluasan kuasa Jepun, maka pihak tentera Jepun telah mengambil langkah serius untuk mempelajari bahasa Melayu/Indonesia bagi memahami masyarakat serta budaya Melayu/Indonesia. Dalam prakata kedua pula, Uehara Kunzo menegaskan bahawa bahasa Melayu/Indonesia perlu dipelajari oleh tentera Jepun yang akan dihantar ke rantau ini untuk menimbulkan rasa kesamaan antara orang Jepun dengan masyarakat Melayu/Indonesia kerana menerusi pengungkapan bahasa yang baik boleh menimbulkan rasa kesamaan dan saling memahami antara kedua-dua bangsa yang berbeza ini.

Selepas bahagian prakata, kaedah penggunaan buku ini turut dimuatkan sebagai garis panduan pengguna. Antara aspek yang

ditekankan ialah perbezaan ejaan Rumi antara bahasa Inggeris dengan bahasa Belanda. Contohnya dalam Jadual 1:

**Jadual 1: Perbezaan Ejaan Rumi antara Bahasa Inggeris dengan Bahasa Belanda**

Bahasa Inggeris	Bahasa Belanda
J	Dj
U	Oe
Y	J
Ch	Tj
Kh	Ch
ny	nj

Di samping itu, dinyatakan juga bahawa buku ini menggunakan bahasa Melayu/Indonesia baku kerana keinginan penulis untuk mengajarkan bahasa yang betul dan sempurna bentuknya. Pada anggapan penulis, bahasa seharian atau bahasa pasar boleh dipelajari setelah individu itu tinggal dalam rumpun Melayu/Indonesia itu sendiri. Bagi bunyi-bunyi perkataan yang jarang digunakan dalam bahasa Jepun, turut dinyatakan agar apabila pengguna mengujarkan perkataan yang diakhiri dengan huruf *h*, *k* dan *ng* misalnya, perkataan-perkataan tersebut mampu disebut dengan cara yang betul. Contohnya untuk menyebut perkataan *anak* perlu disebut sebagai <anak> bukan <anake> atau *boleh* tidak disebut sebagai <bole>, iaitu bunyi *h* disenyapkan dan *binatang* disebut sebagai <binatang> bukan <binatange>, iaitu bunyi <ge> tidak disebut dengan kuat.

## ASPEK BAHASA

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, aspek bahasa dimuatkan dalam lima bab yang terdiri daripada:

- Bab 1 : Sebutan;
- Bab 2 : Perkataan;
- Bab 3 : Tatabahasa;
- Bab 4 : Perbualan; dan
- Bab 5 : Kamus.

Dalam buku ini, bahasa Jepun digunakan dalam setiap bab bagi menghuraikan aspek-aspek bahasa.

## SEBUTAN

Sebutan merupakan aspek bahasa yang pertama dibincangkan. Dalam bab Sebutan ini, tujuh perkara yang dibincangkan, iaitu tulisan, sistem penomboran, kata pinjaman, varian perkataan antara bahasa Melayu Tanah Melayu dengan Indonesia, sebutan, tanda baca dan huruf-huruf vokal serta konsonan bahasa Melayu/Indonesia. Dari segi tulisan dinyatakan bahawa untuk menulis bahasa Melayu/Indonesia, terdapat dua jenis tulisan yang digunakan, iaitu tulisan Jawi dan Rumi. Antara kedua-dua tulisan ini, tulisan Rumi lebih utama dan lebih banyak digunakan. Oleh itu, pada bahagian tulisan ini, perbincangan lebih tertumpu pada tulisan Rumi berbanding Jawi. Dalam buku ini, ditunjukkan 33 huruf Jawi yang dimulai dengan huruf *alif* sehinggalah huruf *nya*. Setiap huruf diberikan sebutannya serta padanannya dengan huruf Rumi. Di samping itu, huruf-huruf juga ditandai dengan simbol (♦) bagi menunjukkan bahawa huruf tersebut digunakan untuk mengeja kata pinjaman, khususnya perkataan Arab. Oleh itu, huruf Jawi asli dalam bahasa Melayu/Indonesia hanyalah 24 huruf sahaja. Rujuk Jadual 2:

**Jadual 2: Contoh Tulisan Jawi dengan Padanan Huruf Rumi**

Tulisan Jawi	Sebutan	Padanan Rumi
ا	alif	a
ب	ba	b
ت	ta	t
ث ♦	tha	th
ج	jim	j
ح ♦	cha	ch
خ ♦	ha	h

Dari segi sistem penomboran pula dimuatkan penomboran Rumi dan Arab dari nombor 0 hingga 9.

Dalam bab ini, senarai kata pinjaman turut dimuatkan. Setiap kata pinjaman disusun mengikut urutan abjad. Kata pinjaman tersebut melibatkan kata pinjaman Sanskrit, Arab, Parsi, Tamil, Cina, Portugis dan Inggeris. Rujuk Jadual 3.

**Jadual 3: Kata Pinjaman**

Sanskrit	<i>agama, anoegarah, bakti, bangsa, bidjaksana, boemi, denda, derma, dosa, harta, djaga, djampi, djiwa, keranda, kesoemba, mahkota, menteri, manoesia, moetiara, naraka, perkasa, poedja, poetera, radjawali, roepa, saksi, singa, soerga, oepaja</i>
Arab	<i>alam, doenia, arif, akal, kadar, koeboer, koeat, pikir, sajak, sebab</i>
Parsi	<i>astana, bandar, bedebah, biadab, biaperi darja, diwan, gandoem, djadah, djam, kahwin, laskar, mohor, nafiri, nakhoda, nesan, pahlawan, serban.</i>
India	<i>lagam, ras, sardi, tan</i>
Tamil	<i>kapal, katil, ketoembar, kolam, maligai, mempelai, moetoe, tandil, tirai</i>
Cina	<i>kongsi, loki, loteng, pekong, tangloeng, loe</i>
Portugis	<i>bangkoe, beledoe, bola, bomba, garpu, kebaja, lelong, medja, merinjoe, paderi, peloeroe, peniti, renda, rial, toeala</i>
Belanda	<i>doeit, seteroep, tong, senapang, sopi, gelas, botol, lampoe</i>

Berdasarkan kepada contoh di atas, buku ini secara jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu/Indonesia turut memiliki kata pinjaman dalam mengungkapkan sesuatu perkara.

Di samping kata pinjaman, buku ini juga menjelaskan kewujudan dua varian kosa kata yang timbul akibat daripada dua bentuk jajahan yang berbeza, iaitu bahasa Melayu jajahan Belanda dan bahasa Melayu jajahan Inggeris. Rujuk Jadual 4.

**Jadual 4: Contoh Bahasa Indonesia Jajahan Belanda dan Bahasa Melayu Jajahan Inggeris**

<b>Bahasa Indonesia Jajahan Belanda</b>	<b>Bahasa Melayu Jajahan Inggeris</b>
perawan	anak dara
baboe	amah
es	ayer batu
bebek	itek
tinta	dakwat
sore	petang
keringat	peluh
djelek	buruk
tjapek	penat
pandjar	chengkeram
kali	sungai
kaleng	tin
handoek	tuala

Kedua-dua bentuk varian kata yang berbeza perlu dimuatkan dalam buku ini bagi membolehkan tentera Jepun mempelajari dua bentuk kosa kata yang berbeza, iaitu kosa kata bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Hal ini selaras dengan gagasan Pembangunan Tatatertib Baharu Asia Timur Raya pada 26 Julai 1940, iaitu gagasan untuk membangunkan Asia Raya dengan menghapuskan kekuasaan Barat ke atas Asia. Oleh itu, tentera Jepun akan membebaskan Asia daripada jajahan Barat dan memberi kemerdekaan kepada bangsa di Asia. Menerusi gagasan ini, Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera diduduki oleh tentera ke-25, manakala Jawa diduduki oleh tentera ke-16 (Funada, K, 2008). Pendudukan di dua tempat yang berbeza memerlukan tentera Jepun untuk menguasai dua bentuk varian kosa kata yang berbeza.

Bab ini juga memuatkan tanda baca dan turut menyenaraikan huruf-huruf konsonan dan vokal bahasa Melayu. Sebutan huruf konsonan dan vokal ini dibincangkan dengan agak mendalam serta diberikan contoh bagi setiap bunyi untuk membantu mereka menyebut bahasa Melayu/Indonesia dengan tepat. Yang berikut merupakan huruf vokal bahasa Melayu/Indonesia:



**Jadual 5: Huruf Vokal Bahasa Melayu/Indonesia**

Tulisan Jawi	Tulisan Rumi
ا	a
و	u o,
ي	i, e

Setiap huruf vokal ini dihuraikan cara sebutannya dengan jelas, iaitu dari segi penjang pendek sebutan dan bentuk penggunaannya dalam bahasa pasar. Misalnya vokal a perlu dipanjangkan sebutannya bagi perkataan yang berikut: *barat*, *dakwat* dan *daging*, tetapi bagi bunyi vokal a yang bukan dalam dua suku kata dari belakang perlu dipendekkan sebutannya. Contoh: *antara*, *radjawali*, *laksamana*. Begitu juga vokal ai disebut sebagai a dan au disebut sebagai u dan o dalam bahasa pasar. Contohnya *pakai* dan *pandai* disebut sebagai *pake* dan *pande*, manakala *saudara* dan *pisau* disebut sebagai *sudara* dan *piso*. Dalam kajian linguistik moden, geluncuran *ai* dan *au* ini tidak dianggap sebagai vokal tetapi dianggap sebagai diftong.

Bagi konsonan pula, buku ini menyenaraikan 22 konsonan. Setiap konsonan ini diberikan padanan sebutannya dalam bahasa Jepun dan apabila ditinjau setiap bunyi konsonan merupakan sebutan bagi suku katanya yang terdiri daripada satu pola sahaja, iaitu pola *kv* (pola konsonan-vokal). Yang berikut senarai sebahagian konsonan:

**Jadual 6: Senarai Konsonan**

Konsonan	Sebutan dan Contoh Kata
<i>b</i>	<i>ba, bi, bu, be, bo – besar, bintang</i>
<i>t</i>	<i>ta, ti, tu, te, to – tikus, tetapi</i>
<i>j</i>	<i>ja, ji, ju, je, jo – jari, juragan</i>
<i>c</i>	<i>ca, ci, cu, ce, co – cari, curi</i>
<i>d</i>	<i>da, di, du, de, do – dada, duduk</i>
<i>ng</i>	<i>ga, gi, gu, ge, go (bunyi ini perlu dimasukkan di dalam hidung) - ngangu</i>
<i>ny</i>	<i>nya, nyi, nyu, nye, nyo – nyamuk, nyiru</i>

## PERKATAAN

Dalam Bab 2, iaitu Bab Perkataan, disenaraikan perkataan mengikut kategorinya. Setiap perkataan ini diberikan padanan maknanya dalam bahasa Jepun. Sebanyak 30 kategori perkataan bahasa Melayu/Indonesia yang disenaraikan, antaranya melibatkan penomboran, hari/minggu/bulan, arah dan haluan, warna, angkasa, manusia, haiwan, buah-buahan, galian, burung, serangga, ikan, sayur-sayuran, kenderaan, alat tulis, pakaian, perabot, peralatan dapur, makanan, pekerjaan dan jawatan, anggota badan, perbuatan, penyakit, dan barangan yang diimport dari Jepun. Jadual di bawah memuatkan tujuh kategori perkataan yang tertinggi dimuatkan dalam buku ini.

**Jadual 7: Tujuh Kategori Perkataan**

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Perkataan</b>	<b>Contoh Perkataan</b>	<b>Jumlah Perkataan</b>
1.	Perkataan yang digunakan oleh pedagang.	<i>belanja, tenang, daging ayam, djentera, tiang kapal, matahari, sotong, timoer.</i>	1031
2.	Kata kerja dan kata sifat harian.	<i>beri, manis, marah, kirim, beranak, tohor, dengar, pakai, hitoeng, balas.</i>	451
3.	Perkataan yang digunakan dalam ketenteraan.	<i>torpedo, kapal pemboeroe, bala tentera, bom pelempar, djam, senapang, spada.</i>	357
4.	Nama penyakit dan perkataan berkaitan.	<i>sakit demam, sendi, boeta, semboehkan, moestadjab.</i>	258
5.	Perkataan yang digunakan oleh peniaga.	<i>firma, saudagar, dagangan, hoetang, timbangan, pandjar.</i>	130
6.	Anggota badan dan kata kerja.	<i>badan, alis, otak, kepala, tidoer, poesat, berhenti, lari, djalan, minoem, makan</i>	103
7.	Barang yang diimport oleh Jepun.	<i>tjangkir, benang, selimoet, kipas, kelamboe.</i>	100

Berdasarkan jumlah kosa kata bagi setiap kategori, dapat disimpulkan bahawa aktiviti perdagangan, pernyataan terhadap sesuatu perbuatan atau sifat, ketenteraan, penyakit dan aktiviti

perniagaan merupakan kosa kata yang paling kerap digunakan dalam bahasa Melayu/Indonesia. Dengan menyenaraikan perkataan mengikut kategorinya, para tentera dan pentadbir Jepun boleh menggunakan bahasa Melayu/Indonesia mengikut laras yang sesuai. Hal ini penting kerana bahasa yang baik ialah bahasa yang dapat diungkapkan sesuai dengan situasi, konteks dan bidang yang diperkatakan. Bagi kosa kata yang memiliki dua varian yang berbeza, maka kedua-dua bentuk tersebut diberikan. Antaranya *seperti itik – bebek, halia – djahi, pena – kalam, pejabat – kantor, perigi – soemoer, dan penat – tjapek*.

## **TATABAHASA**

Penguasaan terhadap tatabahasa bahasa Melayu/Indonesia amat dipentingkan oleh pentadbir Jepun. Hal ini kerana para pentadbir Jepun berpendapat bahawa penguasaan tatabahasa membolehkan mereka untuk meluaskan tanah jajahan. Oleh itu, bahasa Melayu/Indonesia, khususnya aspek tatabahasa perlu dipelajari dengan bersungguh-sungguh dan bahasa ini tidak boleh dianggap mudah dan memerlukan masa yang lama untuk dikuasai. Menurut Uehara Kunzo, “..bahasa tanpa tatabahasa diibaratkan seperti istana di atas pasir” (1942: 99). Disebabkan aspek tatabahasa amat dipentingkan dalam mempelajari bahasa Melayu/Indonesia, maka aspek ini dibincangkan dengan agak terperinci dan sistematik. Antara aspek yang dibincangkan ialah kata ganti nama, golongan kata (kata nama, kata kerja, kata sifat dan kata tugas) dan bentuk kata (imbuhan dan kata ganda).

## **KATA GANTI NAMA**

Kata ganti nama dibahagikan kepada empat bentuk, iaitu kata ganti nama tempat, diri, kepunyaan dan tanya. Buku ini menjelaskan bahawa terdapat dua kata jenis ganti tempat dalam bahasa Melayu, iaitu *itu* (*itoe*) dan *ini*. Dari segi penggunaannya, kata ganti tempat ini diletakkan pada posisi selepas kata nama. Contoh: *kuda itu* dan *kuda ini*.

Bagi kata ganti diri pula, buku ini membincangkan aspek ini dengan agak mendalam dan menyeluruh. Hal ini bertujuan agar bahasa yang digunakan tidak menyinggung perasaan orang yang disapa. Di samping itu, kata panggilan juga dapat membina hubungan yang baik dan saling menghormati antara individu yang terlibat. Perkara ini amat penting dalam mendekati masyarakat Melayu/Indonesia agar mereka

merasa dihormati dan dihargai. Justeru, huraian terhadap kata ganti ini melibatkan pelbagai aspek yang meliputi status individu yang diajak berbual; rujukan ganti nama diri orang pertama, kedua atau ketiga; bilangan kata ganti sama ada dalam bentuk tunggal atau jamak; dan kata panggilan khusus bagi bangsa/kaum tertentu. Dari segi status, kata panggilan *saya*, *hamba*, *patek*, *toean*, *datoek*, dan *tengkoe* digunakan untuk panggilan hormat, manakala *aku engkau* dan *dia* digunakan untuk individu yang rapat atau lebih rendah statusnya. Dari segi ganti nama pertama, kedua dan ketiga pula kata panggilan *saya*, *kami*, *kita*, *patek* dan *hamba* merujuk kata ganti nama diri pertama, manakala kata *kamoe*, *toean* dan *engkau* merujuk ganti nama diri kedua dan *dia*, *dia orang*, *datoek* merupakan kata ganti diri ketiga.

Dari segi kata panggilan khusus dalam rujukan bangsa/kaum tertentu pula, kata *kowe* (bahasa Hakka) yang bermaksud *awak* dan *engkau*, kata *loe* dan *goea* (bahasa Cina) yang bermaksud *awak* dan *saya* digunakan untuk golongan bawahan. Kata *tauke* pula digunakan dalam kalangan kaum Cina untuk maksud *tuan* misalnya *Tauke Lie Gie Tjang*. Perkataan *hadji* pula merupakan kata panggilan khusus bagi orang Melayu yang telah menunaikan haji. Penggunaan kata panggilan mengikut bangsa ini dapat menimbulkan rasa mesra dan hormat dengan ini kepercayaan penduduk tempatan terhadap pemerintah Jepun dapat dipupuk. Buku ini turut memuatkan kata panggilan yang dikhususkan apabila berhubung dengan pihak istana, iaitu *patek*, *toeankoe* dan *beta*. Di samping itu, rangkai kata yang melibatkan gabungan antara kata panggilan dengan perkataan "sendiri", "poenja" dan "koe" untuk maksud kepunyaan juga dijelaskan dalam buku ini. Contohnya *akoe sendiri*, *kita sendiri* dan *kamoe sendiri*; *saja poenja*, *toean poenja* dan *radja poenja*; dan *dirikoe*, *dirimoe* dan *dirinja*.

Bagi ganti tanya pula, kata tanya *apa*, *mana*, *berapa*, *bagaimana*, *betapa*, *kenapa*, *mengapa*, *siapa* dan *apa matjam*. Contohnya:

*Apa nama orang ini?*

*Berapa tingginja goenoeng itoe?*

*Siapa tahoe?*

Buku ini juga menjelaskan partikel *-kah* dan dijelaskan bahawa partikel ini lazimnya digunakan dalam kawasan jajahan Inggeris, iaitu di Tanah Melayu. Contoh:

*Berapakah harganja?*

*Siapakah toean tioe?*

*Manakah roemahmoe?*

## GOLONGAN KATA

Buku ini sama seperti buku-buku tata bahasa yang lain membicarakan tiga golongan kata utama dalam bahasa Melayu/Indonesia, iaitu kata nama, kata kerja dan kata sifat. Perbincangan terhadap kata nama ini adalah berdasarkan kepada bentuk kata nama tersebut sama ada bentuk asas atau bentuk imbuhan. Kata nama asas melibatkan kata nama am, kata nama khas, kata nama berasaskan gender, kata bilangan dan penjodoh bilangan. Bagaimanapun, setiap jenis kata nama ini tidak diberikan huraian yang mendalam tetapi sekadar diberikan contoh-contoh sahaja. Ini dijelaskan dalam Jadual 8 yang berikut:

**Jadual 8: Jenis Kata Nama**

<b>Kata Nama (KN)</b>	<b>Contoh</b>
KN am	<i>laoet, boedak, sapi, pohon, akal, sjair, kata</i>
KN khas	<i>Soerabaja, Sinar Selatan, Pewarta Soerabaja, Moehammad</i>
KN gender	<i>bapa, ajah, laki, djongos – lelaki iboe, boenda, isteri, bini, baboe – wanita</i>
Kata bilangan	<i>satoe, anam belas, lima ratoes, empat riboe, sedjoeta</i>
Pecahan	<i>Sepertiga, lima perenam, lima perseratoes</i>
Penjodoh bilangan	<i>batang, bidang, boeah, ekor, keontoem, oetas, pintoe, soeap, tjobek, tandan.</i>

Dalam bahagian kata nama berimbuhan pula, diberikan bentuk-bentuk imbuhan awalan, akhiran dan apitan kata nama. Setiap imbuhan ini boleh bergabung dengan kata dasar yang terdiri daripada pelbagai golongan kata (sama ada kata nama, kata kerja atau kata sifat) dan apabila diimbuhkan dengan imbuhan kata nama, maka kata terbitan yang terbentuk ialah kata nama berimbuhan/terbitan. Contoh:

**Jadual 9: Jenis Imbuhan**

Imbuhan	Imbuhan	Contoh perkataan
awalan	<i>pe-</i> <i>ke-</i>	pemalas, pembeli, pendapat, pengadjar kehendak, kekasih
akhiran	<i>-an</i>	minoeman, makanan, karangan, saringan
apitan	<i>ke...-an</i> <i>per...-an</i> <i>pe...-an</i>	kebesaran, keelakan, kehinaan, kekoeatan, perdjalanan, permainan, perkaoempoelan peperangan, pendapatan, penghidoeapan

Dalam bahagian kata kerja pula, golongan ini dibincangkan dengan mendalam, iaitu melibatkan huraian kata kerja, kata kerja "ada", kehadiran kata bantu dengan kata kerja, kata kerja pasif, dan kata kerja berimbuhan kata kerja dijelaskan sebagai perkataan yang merujuk perbuatan dan keadaan sesuatu. Kata kerja ini dibahagikan kepada kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Kata kerja transitif lazimnya menerima imbuhan *me-*, *mem-*, *men*, *meng* dan *menj-*. Contohnya *membatja* (*mem-batja*), *menoelis* (*men-(t)oelis*) dan *menghitoeng* (*meng-hitoeng*). Kata kerja tak transitif pula dikatakan berbeza daripada kata kerja transitif. Hanya satu contoh sahaja yang dimuatkan dalam buku ini, iaitu perkataan *mati*. Di samping itu, dinyatakan juga bahawa mas atau waktu berlakunya sesuatu kata kerja dapat ditunjukkan menerusi kehadiran perkataan-perkataan tertentu. Contohnya:

*Kelmarin* saja **makan** boeah itoe.

*Sekarang* saja **makan** boeah itoe.

*Besok* saja **makan** boeah itoe.

*Waktoe itoe*, *saya ada* **makan** boeah itoe.

Penggunaan kata *kelmarin*, *sekarang*, *besok* dan *waktu itoe* dapat menjelaskan keadaan berlakunya sesuatu perbuatan/kata kerja. Dalam bahagian ini juga diajar cara untuk membina ayat dengan memuatkan kata tugas seperti *nanti*, *sebentar lagi*, *kan*, *mahoe*, *hendak*, *sekarang*, *sedang tengah*, *selagi*, dan *selama*. Hal ini penting dalam menjelaskan bahawa bahasa Melayu/Indonesia tidak memiliki sistem kala dan yang diperlukan hanyalah memuatkan penanda masa bersama-sama kata kerja bagi menjelaskan waktu berlakunya sesuatu perbuatan.

Dalam aspek kata kerja "ada" pula, Uehara Kunzo memberikan empat jenis kata kerja "ada", iaitu:

- a. keadaan benda  
Contoh : Roti dan mentega **ada** di atas meja.
- b. kepunyaan benda  
Contoh : Saja **ada** oelang lima roepiah.
- c. perjalanan kerja  
Contoh : Bapa saja **ada** toelis soeratnja.
- d. "ada" atau "ada yang" mendahului ayat  
Contoh : **Ada jang** beli beras, **ada jang** beli daging di pasar.

Penjenisan kepada empat kategori "ada" dalam contoh yang diberikan ini adalah berasaskan makna "ada" dengan meneliti kehadirannya di dalam ayat. Pada bahagian berikutnya pula, buku ini menghuraikan kata kerja pasif. Kata kerja pasif dibahagikan kepada empat jenis, iaitu kata kerja pasif dengan awalan *di-*, penggunaan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua seperti *koe* dan *kau*; penggunaan kata *kena* dan kata kerja pasif dengan imbuhan *ke...-an*. Contoh:

**Jadual 10: Kata Kerja Pasif**

Bentuk Pasif	Contoh
di-	<i>Pada zaman dahoeloe, kertas djepang itoe <b>dibikin</b> dari koelit kajoe jang <b>disebut</b> Kozo.</i>
koe	<i>Oeangnja soedah <b>koeterima</b>.</i>
kau	<i>Boleh <b>kaumakan</b> boeah ini.</i>
kena	<i>Roesa itoe <b>kena</b> tembak oleh pemboeroe itoe.</i>
ke...-an	<i>Goedang <b>kemasoekan</b> penthuri itoe.</i>

Kata tugas yang terdiri daripada kata yang membawa maksud masa, keadaan perbuatan, arahan, harapan dan permintaan turut dimuatkan pada bahagian kata kerja. Perkataan-perkataan ini dikatakan hadir dalam posisi sebelum kata kerja. Yang berikut merupakan contoh kata tugas yang boleh hadir dalam posisi sebelum kata kerja:

**Jadual 11: Kata Tugas yang Boleh Hadir dalam Posisi Kata Kerja**

Kata Tugas	Contoh
Masa	<i>soedah, habis, telah</i>
Keadaan perbuatan	<i>ada</i>
Arahan	<i>boleh, bisa, dapat</i>
Harapan	<i>hendak, maoe, patoet, mesti</i>
Permintaan	<i>kasi, beri, biar</i>

Dalam nahu moden, kata tugas ini adalah dalam kategori kata bantu yang dapat menerangkan dengan lebih lanjut waktu atau perasaan sesuatu perbuatan itu dilakukan.

Bagi kata kerja berimbuhan pula, buku ini menjelaskan bentuk-bentuk imbuhan yang boleh bergabung dengan kata dasar tertentu dalam menghasilkan kata kerja berimbuhan. Imbuhan *me-* misalnya boleh berubah menjadi imbuhan *mem-*, *men-*, *meng-* dan *menj-* selaras dengan dengan huruf pertama kata dasar. Pembentukan kata kerja berimbuhan ini ditunjukkan dalam Jadual 12 di bawah:

**Jadual 12: Pembentukan Kata Kerja Berimbuhan**

Imbuhan	me-	mem-	men-	meng-	menj-	Perhatian
Huruf pertama kata dasar	m	(p)	(t)	(k)	(s)	Huruf dalam ( ) akan digugurkan apabila digabungkan dengan imbuhan.
	n	b	d	a		
	l		dj		l	
	r			oe		
	ng			e		
	nj			é		
	w			o		
				g		
			h			

Berdasarkan kepada jadual di atas, didapati penulis telah membuat atau menyenaraikan rumus imbuhan kata kerja awalan *me-*, *mem-*, *men-*, *meng-* dan *menj-* dalam bahasa Melayu/Indonesia, begitu juga dengan awalan *pe-*, *pen-*, *pem-*, *peng-* dan *penj-*. Bahkan tidak keterlaluan dikatakan di sini bahawa hukum *p,t,k,s* yang ada dalam bahasa Melayu/Indonesia turut berjaya diketengahkan oleh penulis buku walaupun aspek ini tidak banyak dibincangkan dalam buku tatabahasa Melayu yang awal. Hal ini secara tidak langsung dapat menunjukkan penelitian yang mendalam oleh penulis terhadap tatabahasa bahasa Melayu, khususnya aspek pengimbuhan.

Selain imbuhan *me-*, imbuhan-imbuhan lain ialah imbuhan *per-*, *ber-*, *ter-*, *bel-*, *pel-*, *ke-*, *se-*, *di-*, *-kan* dan *-i*. Aspek makna yang didukung oleh setiap bentuk imbuhan yang bergabung dengan kata dasar turut dibincangkan. Contohnya *memper-* yang membawa maksud



“sebagai”, misalnya **mempertoean** dan **memperisteri**; *mempertoean* untuk maksud “menjadikan keadaan itu”, misalnya **mempertinggi** dan **mempermoerah** dan akhiran *-kan* untuk maksud “melakukan dengan” seperti **larikan** dan **terbangkan**. Di samping imbuhan, dihuraikan juga kata berimbuhan yang boleh digandakan seperti **berbantah-bantah**, **berganti-ganti**, **bermatjam-matjam**, **berbagai-bagai**. Disebabkan aspek imbuhan mempunyai kekerapan yang tinggi dengan kata kerja, maka aspek pengimbuhan ini dibincangkan dengan begitu mendalam oleh Uehara Kunzo.

Dalam menghuraikan kata sifat pula, buku ini membincangkan kata sifat dari segi darjahnya, bentuk kata sifat dan penanda intensiti kata sifat. Kata sifat dihuraikan dari segi kehadirannya atau fungsinya di dalam frasa atau ayat. Dalam fungsi penerang, kata sifat merupakan golongan kata yang diletakkan pada posisi di belakang kata nama, iaitu dalam frasa nama. Kata sifat jenis ini dikategorikan sebagai kata sifat penerang, iaitu yang menerangkan keadaan kata nama. Contohnya (kata sifat ditebalkan cetakan hurufnya): *pintoe* **besar**, *badjoe* **baroe**, *kain* **merah** dan *barang* **lama**. Dalam fungsi penerang kata nama ini, buku ini menjelaskan empat bentuk kata sifat yang hadir bersama-sama unsur yang lain dalam membentuk frasa.

- i. Kehadiran kata sifat bersama-sama perkataan *lagi* atau *dan*.  
Contoh : *lemari besar* **lagi** *baroe*
- ii. Kehadiran kata sifat bersama-sama perkataan *yang*.  
Contoh : *pintu kotor* **yang** *ketjil*
- iii. Kehadiran dua kata sifat yang membawa maksud bertentangan.  
Contoh : *kanak-kanak* **besar kecil**
- iv. Gandaan kata sifat untuk membawa maksud jamak.  
Contoh : *pakaian* **bagoes-bagoes**

Dalam fungsi kata sifat sebagai kata kerja pula, kata sifat menjelaskan keadaan suatu kata nama atau kata ganti nama. Contoh:

*Engkau* **jahat**.  
*Goenoeng* **tinggi**.  
*Ini* **besar**, *itu* **ketjil**.

Berdasarkan kepada contoh di atas, kata sifat ini dikatakan menjalankan fungsi kata kerja kerana kehadirannya dalam gatra predikat. Bagi bahasa Melayu/Indonesia, pola ayatnya terdiri daripada empat pola, maka tidak wujud fungsi kata sifat sebagai kata kerja melainkan kata sifat sebagai golongannya dan fungsinya yang tersendiri.

Huraian dalam bahagian ini juga meletakkan kata sifat tertentu dalam kategori bentuk apabila kata sifat hadir bersama-sama perkataan *seperti, seakan-akan, seolah-olah, sebagai mana dan semata-mata*. Contohnya:

*Warna aes **seperti** katja.*

*la boleh berenang **seakan-akan** ikan.*

Satu aspek yang tidak dapat dipisahkan daripada kata sifat ialah darjah perbandingan. Dalam buku ini, kata sifat memiliki darjah perbandingan apabila kata sifat hadir bersama-sama penanda intensiti seperti *terlaloe, sangat, tersangat, terlampau, betoel, benar, sekali, belaka, amat, teramat, begitu dan begini*. Contoh: **terlaloe** pandai, **koerang** pandai, pandai **betoel**, pandai **benar**, **begitoe** pandai, **sangat** pandai, **teramat** pandai dan **terlampau** pandai.

Golongan kata terakhir yang dibincangkan dalam buku ini ialah kata tugas. Sebanyak tujuh jenis kata tugas yang dibincangkan di dalam buku ini, iaitu kata tugas yang merujuk masa; tempat; takat, sifat atau keadaan; kata hubung; kata tugas gabungan; kata positif dan kata negatif. Jenis dan contoh kata tugas ditunjukkan oleh jadual yang berikut:

**Jadual 13: Tujuh Jenis Kata Tugas**

<b>Kata tugas</b>	<b>Contoh</b>
Masa	<i>selaloe, sedia kala, sentias, selamanja, banjak kali, kemoedian, djarang, soedah lama.</i>
Tempat	<i>sini, sitioe, sana, tengah, atas, bawah, hadapan, belakang, kiri</i>
Takat, sifat atau keadaan	<i>hanya, sekali, terlebih, amat, maha, begini, betoel, benar, tjepat, betapa, sahadja</i>
Kata hubung	<i>jikalau, sebab, karena, djadi, meskipoen, walaupoen, djika.</i>
Kata gabungan	<i>dengan tjepat, diam-diam, tiba-tiba, sehari-hari, sekali-kali</i>
Kata positif	<i>ya</i>
Kata negatif	<i>tak, tidak, tidak ada, taáda, boekan, ta'pernah, beloem pernah</i>

Berdasarkan kepada bahagian tatabahasa ini, ketiga-tiga golongan kata yang utama dijelaskan dengan agak terperinci dan setiap huraian disokong dengan contoh bagi menjelaskan penggunaannya dalam

bahasa Melayu/Indonesia. Sesuai dengan bahasa Melayu/Indonesia yang bersifat aglutinatif, didapati bahawa penulis menghuraikan imbuhan bagi setiap golongan kata dengan lengkap. Antara ketiga-tiga golongan kata ini, imbuhan kata kerja yang paling banyak dihuraikan.

## AYAT

Ayat tidak dibincangkan secara khusus, tetapi dinyatakan secara tidak langsung menerusi huraian terhadap golongan kata. Misalnya dalam bahagian kata kerja, dijelaskan penggunaan ayat pasif dan ayat songsang. Contoh:

Ayat biasa : **Engkau** boleh makan boeah ini.  
Ayat songsang : Boleh **kaumakan** boeah ini.

Dalam ayat ini, ditunjukkan penggunaan kata ganti nama diri orang kedua dalam ayat pasif yang melibatkan susunan ayat biasa dan songsang. Dalam buku ini, kata ganti nama ditebalkan cetak hurufnya bagi menunjukkan penggunaannya dalam ayat. Dijelaskan juga bahawa penggunaan ayat songsang menjadikan maksud ayat lebih lemah berbanding ayat susunan biasa. Ayat tanya turut dihuraikan pada bahagian kata tanya.

Contoh:

*Mana orang baik?*

*Berapa harga boekoe ini?*

*Mengapa (kenapa) engkau tidak datang kelmarin?*

*Apa matcam ikan ini?*

*Gempa boemi sebesar ini bagaimana menahannya?*

(Hlm. 108-112)

Walaupun bahagian tatabahasa ini tidak menjelaskan seluruh aspek tatabahasa bahasa Melayu, tetapi bagi buku tatabahasa yang terhasil pada tahun 1941 oleh penulis yang bukan merupakan penutur natif, aspek tatabahasanya dianggap bukan sahaja memadai, malahan dianggap amat baik. Bahkan buku tatabahasa bahasa Melayu, iaitu *Pelita Bahasa Melayu* Penggal I juga baru setahun diterbitkan sebelum terbitnya buku *Shaisin Marai-go You Tei* ini.

## PERBUALAN

Dalam bahagian perbualan ini, terdapat 19 kategori perbualan yang diberikan contoh penggunaannya, antaranya soal jawab yang mudah,

perbualan mudah, kata-kata ucapan, kereta api, kapal laut, di syarikat kapal laut, di imigresen, di hotel, sarapan dan makan tengah hari. Didapati bahawa semua kategori perbualan yang dimuatkan dalam buku ini merupakan perbualan yang kerap digunakan dalam urusan seharian dan juga pentadbiran. Contoh:

Perbualan yang senang

*Mari sini.*

*Pergi sito.*

*Bawa kasoet saya.*

*Pergi ambil topi mak.*

*Orang moeda yang radjin itoe pergi ke kota yang djaoeh.*

Perbualan di syarikat kapal laut

*Di mana ada Nonya Kaiun Kaisha.*

*Kapan sampai Nichiran-Maru dari Kobe.*

*Barangkali sampai poekoel sepoeloeh besok pagi.*

*Beloem taoe, toean. Sekarang tidak tentoe.*

*Tadi terima telegram dari kapal, katanya bisa sampai poekoel tiga besok sore.*

Dialog-dialog ini kebanyakannya terdiri daripada bahasa Melayu Indonesia. Hal ini terlihat dengan jelas dari segi penggunaan kata sapaan dan kosa kata yang digunakan. Contohnya selamat *sore*, *selamat siang*, *kapan* (bila), *sore* (petang), *kartijis* (tiket), *ongkos* (tambang/sewa), *kantor* (pejabat), *omong* (cakap), *jongos* (pembantu), *tjapek* (penat) dan *bisa* (boleh). Bagi sesetengah perkataan (yang bergaris), penulis memuatkan varian perkataan bagi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Kemampuan penulis menggunakan kedua-dua bahasa ini disebabkan penulis buku ini bukan sahaja berguru dengan guru dari dua kawasan yang berbeza (Tanah Melayu dan Indonesia), tetapi juga penulis menetap dalam jangka waktu yang agak lama di kepulauan Melayu, iaitu lebih daripada sepuluh tahun. Dalam jangka masa yang lama itu, beliau belajar bahasa Melayu daripada masyarakat Melayu di kedua-dua tempat tersebut.

## KAMUS

Bab yang terakhir ini tidak dapat dianggap sebagai kamus dalam erti kata yang sebenarnya, tetapi mirip kepada kamus kerana dalam bab ini dimuatkan perkataan dalam bahasa Jepun dan setiap perkataan itu diberikan padanan maknanya dalam bahasa Melayu/Indonesia.

Perkataan-perkataan ini disenaraikan mengikut urutan abjad bahasa Jepun. Bahagian perkataan ini meliputi 94 halaman, iaitu setiap halaman terdiri daripada 50-56 kata entri. Oleh itu terdapat sekitar 5,000 kata entri yang termuat dalam bab ini.

Di samping itu, selepas bab 5 ini, iaitu pada bahagian akhir buku ini, turut dimuatkan beberapa contoh surat yang boleh digunakan dalam urusan pentadbiran dan perniagaan. Dalam bahagian ini, ditunjukkan cara untuk menulis pendahuluan surat, bahagian penutup surat dan diberikan beberapa contoh ayat yang merupakan laras khusus dalam urusan surat-menyurat. Contoh:

Surat 1: Pemberitahuan penghantaran kaki tangan.

Dengan segala hormat!

Dengan soerat ini kita memberi taoe kepada toean yang pada 12 hari boelan ini kita poenya kerani (orang yang bernama M. Suga maoe melawat kepada toko toean, harap toean soeka kasi banyak pesanan dan lagi minta membayarkan rekeningnya yang soedah datang djatoeh tempohnya adanya.

Lain tidak melainkan tabek dan hormat,  
Daishin Traiding Co.

(Hlm. 402)

Berdasarkan kepada contoh ini, ditunjukkan bahawa setiap surat perlu mempunyai bahagian pendahuluan dan penutup yang menunjukkan rasa hormat dan rendah diri pengirim kepada penerima. Oleh hal yang demikian, maka surat yang dikirimkan lazimnya didahului dengan frasa *dengan hormat, dengan segala hormat, atau toean* dan *diakhiri dengan frasa banyak tabek dan hormat daripada saya, lain tidak melainkan tabek hormat adanya atau lain tidak melainkan banyak hormat dan tabek daripada yang rendah* dan sebagainya. Ungkapan-ungkapan hormat yang digunakan ini dapat memperlihatkan ungkapan bahasa yang halus, santun dan beradab ketika sesuatu urusan diadakan. Hal ini secara tidak langsung dapat menimbulkan kepercayaan dan juga hormat daripada masyarakat setempat kepada pentadbir dan orang Jepun pada ketika itu.

## KESIMPULAN

Pengajaran bahasa Melayu/Indonesia di Jepun bukan satu perkara baharu. Hal ini telah berlangsung dalam jangka waktu yang panjang, iaitu sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Walaupun tujuan utama Jepun adalah untuk meluaskan jajahannya di Nusantara dan peluasan kuasa ini membolehkan mereka memiliki kekayaan sumber asli yang terdapat di kawasan ini, tetapi secara tidak langsung Jepun telah mengembangkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan warganya. Kemampuan orang Jepun menggunakan bahasa Melayu, telah membantu mereka mendekati diri dengan masyarakat Melayu dan dapat memahami budaya Melayu. Apabila kedua-dua strategi ini berjaya dilakukan, maka usaha mereka untuk menakluki Nusantara ini lebih mudah dilaksanakan dan lebih berkesan. Walaupun "niat" sebenar pentadbir Jepun mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan peluasan kuasa, tetapi secara tidak langsung peluasan dan penyebaran bahasa Melayu di Jepun telah terlaksana. Bahasa Melayu bukan sahaja diajarkan dari segi kata sapaan, kosa kata atau perbualan mudah, tetapi sistem bahasa itu sendiri turut dipelajari dan dikuasai oleh mereka, khususnya dalam kalangan pentadbir Jepun yang dihantar ke kawasan selatan Asia, iaitu ke Tanah Melayu dan Indonesia.

## RUJUKAN

- Ahmad Sohaimi Lazim. (2008). *Pengaruh Jepun terhadap bidang pendidikan di tanah Melayu (Malaysia) 1941-1990-an*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Alwi, Hassan. (1995). BIPA: hari ini dan esok. *Kongres Internasional Pengajaran BIPA*. Universiti Indonesia, 28-30 Ogos 1995.
- Funada, Kyoko. (2008). Beberapa aspek dasar perancangan bahasa oleh pemerintahan militer Jepun di Malaysia. dlm. *Kumtum Budi Sumbangsih: Kumpulan Makalah Untuk Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Jan van der Putten and Mary Kilcline Cody (ed.). (2009). *Lost times and untold tales from the Malay world*. Singapore: Singapore University Press.
- Moriyama, Mikihiro. (2005). *Sundanese print culture and modernity in nineteenth-century West Java*. Singapore: Singapore University Press.
- Moriyama, Mikihiro. (54-63). Lord hunting tiger and Malay learning in Japan before War. dlm. Jan van der Putten and Mary Kilcline Cody (ed.). (2009). *Lost times and untold tales from the Malay world*. Singapore : Singapore University Press.
- Shigeru, Morimura. (1988). The situation and developments in the teaching of Indonesian language and literature in Japan. Conference paper, *Vth Indonesian Language Congress*. Jakarta: 28 October-02 November 1988.
- Uehara Kunzo. (1941). *Saishin Marai-go You Tei/Ringkasan bahasa Melayu terbaharu*. Tokyo: Seibishokaku.